



SURAT EDARAN UMT BILANGAN 3 TAHUN 2023

PENAMBAHBAIKAN PEMBERIAN AWARD WANG TUNAI GANTIAN CUTI REHAT (GCR) DAN PENAMBAHBAIKAN PEMBERIAN AWAL AWARD WANG TUNAI GCR DI UNIVERSITI MALAYSIA TERENGGANU

TUJUAN

1. Surat Edaran ini bertujuan memaklumkan tentang penambahbaikan dan pindaan pada Ceraian PP.1.3.1, Ceraian PP.1.3.3 dan Ceraian PP.1.3.4 supaya pelaksanaannya adalah teratur.

LATAR BELAKANG

2. Sebagaimana sedia maklum, kemudahan pemberian award wang tunai gantian cuti rehat (GCR) dan pemberian awal award wang tunai GCR sedia ada diperuntukkan melalui Pekeliling Perkhidmatan Sumber Manusia (MyPPSM), Ceraian PP.1.3.1. : Pemberian Award Wang Tunai Gantian Cuti Rehat (GCR) dan Ceraian PP.1.3.4. : Pemberian Awal Award Wang Tunai Gantian Cuti Rehat.
3. Kerajaan melalui Belanjawan 2023 sebagai menghargai jasa anggota perkhidmatan awam, telah bersetuju supaya kenaikan maksimum gantian cuti rehat (GCR) dipinda daripada 160 hari kepada 180 hari. Susulan daripada pengumuman itu, kebenaran pemberian awal award wang tunai GCR dipinda dari 80 hari kepada 90 hari.

PELAKSANAAN

4. Pindaan ceraian-ceraian perlu dibuat bagi memastikan pelaksanaan pemberian GCR ini adalah teratur dan pindaan adalah seperti berikut:

- i. Pindaan pada Ceraian PP.1.3.1. : Pemberian Award Wang Tunai Gantian Cuti Rehat (GCR)**

Pindaan bagi memaklumkan kenaikan had maksimum pengumpulan GCR dari 160 hari ke 180 hari.

- ii. Pindaan pada Ceraian PP.1.3.3. : Kebenaran Gantian Cuti Rehat melebihi 180 hari digunakan sebagai cuti rehat pada tahun persaraan**

Pindaan bagi memaklumkan mengenai kebenaran GCR yang dikumpul melebihi 180 hari digunakan sebagai cuti rehat pada tahun persaraan.

- iii. Pindaan Ceraian PP.1.3.4. : Pemberian Awal Award Wang Tunai Gantian Cuti Rehat (GCR)**

Pindaan bagi memaklumkan pemberian awal award wang tunai Gantian Cuti Rehat kepada 90 hari.

TARIKH KUAT KUASA

5. Surat Edaran UMT Bilangan 3 Tahun 2023 ini berkuat kuasa mulai 1 Januari 2023.